Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 4, e001887
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1887

Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah

(Integrating Environment Sustainability Elements into Secondary School History Subject)

M. Kaviza[1*], Nurliyana Bukhari[2]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: kavizakaviza@yahoo.com
[2]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: nurliyana@uum.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
M. Kaviza
(kavizakaviza@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Kepentingan
Kelestarian alam sekitar
Penerapan
Mata pelajaran sejarah
Guru

KEYWORDS:
Importance
Sustainability environment
Integration
History subject
Teacher

CITATION:
Kaviza, M. & Nurliyana Bukhari. (2022). Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(4), e001887. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1887

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah. Seramai 200 orang guru terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif melalui perisian IBM SPSS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar berada pada tahap tinggi di samping memaparkan tahap yang tinggi berdasarkan profil demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan kelulusan pendidikan. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa isu pencemaran udara dan air merupakan isu yang paling kerap diterapkan dalam mata pelajaran sejarah. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru telah mempunyai perspektif yang tinggi terhadap keperluan menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mempelbagaikan isu-isu kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah.

ABSTRACT

This survey aims to identify the level of teacher's perspective of the importance of integrating the element of environment sustainability in history subjects. A total of 200 teachers involved in this study. The research instrument is a questionnaire. The data of this study was analyzed statically descriptively through IBM SPSS. The findings of this study show that the level of teacher's perspective of the importance of integrating elements of environment sustainability is at high level and also based on the demographic profile such as gender, age, teaching experience, options and educational qualifications. Furthermore, the findings of this study also show that the issue of air and water pollution is the most frequently

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

integrated in history subject. The implications of this study show that the teachers have a high perspective of the need to integrate elements of environmental sustainability in the history teaching and learning process by diversifying environmental sustainability issues.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan gambaran tentang penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah dari perspektif guru.

1. Pengenalan

Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Developments Goals* (SDGs) merupakan sebahagian dalam Agenda 30 yang penting dalam memupuk elemen kelestarian bagi mengatasi pelbagai masalah dan isu yang dihadapi oleh masyarakat pada peringkat global (UNESCO, 2022). Maka, penerapan matlamat Pembangunan Lestari melalui Pendidikan untuk Pembangunan Lestari adalah sangat penting bagi membentuk murid-murid yang mempunyai tahap kesedaran kelestarian yang tinggi bagi menangani pelbagai isu alam sekitar (Mohd Zaki & Muhammad Zohir, 2021; Siti Khadijah & Christopher, 2016). Rentetan daripada itu, kurikulum mata pelajaran sekolah menengah melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah pun menerapkan unsur nilai tambah melalui Elemen Merentas Kurikulum (EMK) seperti kelestarian alam sekitar yang perlu dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan dan menyediakan murid-murid yang dapat menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018). Justeru, guru-guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan penerapan dan pengamalan elemen kelestarian alam sekitar secara berterusan dalam kalangan murid melalui proses pelaksanaan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran secara bersepadu dan sistematik dalam mata pelajaran (PPK, 2018; Mohd Zaki & Muhammad Zohir, 2021).

Mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras dalam KSSM yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima secara bersepadu melalui disiplin ilmu sejarah iaitu antara elemen pengetahuan (Pengetahuan Sejarah), kemahiran (Kemahiran Pemikiran Sejarah) dan nilai (Kewarganegaraan dan Nilai Sivik) yang bermatlamat untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia (PPK, 2018). Sehubungan dengan itu, pembentukan murid sejarah sebagai sebuah warganegara yang dilengkapi dengan perasaan kekitaan seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bersatu padu, berharmoni, bersefahaman, bermuafakat, bekerjasama, bersyukur, berganding bahu membangunkan negara dan mempunyai kesedaran memelihara alam sekitar adalah disarankan bagi memastikan matlamat kurikulum KSSM mata pelajaran sejarah tersebut dapat dicapai. Justeru, tidak dapat disangkal lagi bahawa memupuk kesedaran memelihara alam sekitar merupakan antara perkara yang penting dalam elemen nilai (Kewarganegaraan dan Nilai Sivik) dalam kurikulum KSSM mata pelajaran sejarah yang perlu diterapkan dengan lebih meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah seiring dalam menyahut cabaran Pembangunan Lestari SDGs pada peringkat global melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015 (PPK, 2018; UNESCO, 2022, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, elemen kelestarian alam sekitar merupakan elemen penting yang perlu difokuskan dalam mata pelajaran sejarah.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.1. Pernyataan Masalah

Sungguhpun telah diakui bahawa elemen kelestarian alam sekitar merupakan antara elemen yang perlu diterapkan dalam mata pelajaran sejarah, namun perspektif guru-guru sejarah terhadap kepentingan menerapkan elemen kelestarian alam sekitar tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah perlu dikenal pasti. Hal ini demikian kerana kurikulum KSSM mata pelajaran sejarah itu sendiri yang telah memfokuskan kepada kesepaduan antara elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dilaksanakan secara serentak dan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Hal ini seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (PPK, 2018). Tambahan pula, dapatan sorotan kajian-kajian lepas yang telah melaporkan bahawa elemen efikasi guru, amalan guru serta peranan guru sebagai *role model,* dimensi penilaian guru, pengetahuan guru terhadap program sekolah lestari, penilaian guru terhadap projek sekolah hijau dan perspektif pakar terhadap isu-isu alam sekitar berdasarkan Tafsir al-Misbah adalah mempengaruhi pelaksanaan pendidikan alam sekitar dan dalam konteks pembangunaan Lestari SDGs (Hanifah Mahat, Mohammad Suhaily & Shaharudin, 2013; Masitah et al, 2011; Omar et al, 2019; Farah Izyan & Kamariah, 2019; Nena, 2022; Hanifah Mahat et al., 2015; Nadiatul & Chin, 2020; Immaduddin, 2020; Abd Aziz Rekan & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2016) secara tidak langsung telah menimbulkan terdapat satu keperluan juga kepada pengkaji untuk mengenal pasti perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah agar matlamat kurikulum KSSM mata pelajaran sejarah untuk membentuk warganegara yang mempunyai perasaan kekitaan melalui kesedaran memelihara alam sekitar dapat dicapai. Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap perspektif guru-guru sejarah terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah.

1.2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan profil demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan kelulusan pendidikan, di samping mengenal pasti isu-isu kelestarian alam sekitar yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah
ii. Mengenal pasti tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan profil demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan kelulusan pendidikan
iii. Mengenal pasti isu-isu kelestarian alam sekitar yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.4. Soalan Kajian

i. Apakah tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah?
ii. Apakah tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan profil demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan kelulusan pendidikan?
iii. Apakah isu-isu kelestarian alam sekitar yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah?

2. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan secara deskriptif. Seramai 200 orang guru yang telah ditentukan melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang telah disahkan kesahannya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* 0.91 yang dianggap baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994). Data kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi tahap min dalam kajian ini adalah berdasarkan tiga tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah yang telah diadaptasi daripada kajian Jamil (2002) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil (2002)

3. Dapatan Kajian

3.1. Apakah tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah?

Berdasarkan Jadual 2, tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap tinggi (M=4.20, SD=0.43). Dari segi itemnya pula, kesemua item tersebut berada pada tahap yang tinggi dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, item "menambah pengetahuan" menunjukkan min yang lebih tinggi (M=4.44, SD=0.55) berbanding dengan item yang lain seperti item "meneroka ilmu" (M=4.37, SD=0.58), item "gambaran jelas" (M=4.30, SD=0.59), item "konsep fakta" (M=4.23, SD=0.50), item "kemahiran berfikir" (M=4.23, SD=0.58), item "minat murid" (M=4.23, SD=0.58), item "kreativiti" (M=4.19, SD=0.54), item "objektif pembelajaran" (M=4.09, SD=0.59), item "penyampaian jelas" (M=4.04, SD=0.60) dan item "prestasi murid" (M=3.86, SD=0.65). Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah

Bil	Item	Min *(M)*	Sisishan Piawai *(SD)*	Tahap
1	Kaitkan fakta	4.23	0.50	Tinggi
2	Menambah pengetahuan	4.44	0.55	Tinggi
3	Meneroka ilmu	4.37	0.58	Tinggi
4	Gambaran jelas	4.30	0.59	Tinggi
5	Minat murid	4.23	0.58	Tinggi
6	Objektif pembelajaran	4.09	0.59	Tinggi
7	Kreativiti murid	4.19	0.54	Tinggi
8	Penyampaian jelas	4.04	0.60	Tinggi
9	Kemahiran berfikir	4.23	0.58	Tinggi
10	Prestasi murid	3.86	0.65	Tinggi
	Keseluruhan	4.20	0.43	Tinggi

3.2. Apakah tahap perspektif guru-guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan profil demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan kelulusan pendidikan?

3.2.1. Profil Demografi Jantina

Berdasarkan Jadual 3, tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru lelaki dan guru perempuan berada pada tahap tinggi walaupun min perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru lelaki (*M*=4.23, *SD*=0.41) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan (*M*=4.18, *SD*=0.43) dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru lelaki dan guru perempuan berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 3: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Jantina

Jantina	Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar		
	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SD*)	Tahap
Lelaki (*N*=68)	4.23	0.41	Tinggi
Perempuan (*N*=132)	4.18	0.43	Tinggi

3.2.2. Profil Demografi Umur

Berdasarkan Jadual 4, min perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru yang berumur antara 30 hingga 40 tahun berada pada tahap tinggi (*M*=4.30, *SD*=0.42) berbanding dengan guru yang berumur antara 20 hingga 30 tahun (*M*=4.18, *SD*=0.41), guru yang berumur antara 40 hingga 50 tahun (*M*=4.16, *SD*=0.41) dan guru berumur antara 50 hingga 60 tahun (*M*=4.19, *SD*=0.45) dan berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru yang berumur antara 20 hingga 30 tahun, guru yang berumur antara 30 hingga 40 tahun,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

guru yang berumur antara 40 hingga 50 tahun dan guru yang berumur antara 50 hingga 60 tahun berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 4: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Umur

Umur	**Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
20 – 30 tahun (*N*=10)	4.18	0.41	Tinggi
30 – 40 tahun (*N*=34)	4.30	0.42	Tinggi
40 – 50 tahun (*N*=87)	4.16	0.41	Tinggi
50 – 60 tahun (*N*=69)	4.19	0.45	Tinggi

3.2.3. Profil Demografi Pengalaman Mengajar

Berdasarkan Jadual 5, min perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun berada pada tahap tinggi (*M*=4.29, *SD*=0.39) berbanding dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun ke bawah (*M*=4.21, *SD*=0.40), guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun (*M*=4.23, *SD*=0.43) dan guru mempunyai pengalaman mengajar melebihi 15 tahun (*M*=4.17, *SD*=0.43) dan berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 5 tahun ke bawah, guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun, guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 15 tahun ke atas berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 5: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Pengajaran Mengajar

Pengalaman Mengajar	**Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
5 tahun ke bawah (*N*=11)	4.21	0.40	Tinggi
6 – 10 tahun (*N*=18)	4.23	0.43	Tinggi
11 – 15 tahun (*N*=26)	4.29	0.39	Tinggi
15 tahun ke atas (*N*=145)	4.17	0.43	Tinggi

3.2.4. Profil Demografi Pengkhususan

Berdasarkan Jadual 6, tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru pengkhususan sejarah dan guru bukan pengkhususan sejarah berada pada tahap tinggi walaupun min perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru bukan pengkhususan sejarah (*M*=4.26, *SD*=0.37) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru pengkhususan sejarah (*M*=4.16, *SD*=0.45) dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengkhususan sejarah dan guru bukan pengkhususan sejarah berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 6: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Pengkhususan

Pengkhususan	**Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Sejarah (*N*=130)	4.16	0.45	Tinggi
Bukan Sejarah (*N*=70)	4.26	0.37	Tinggi

3.2.5. Profil Demografi Kelulusan Pendidikan

Berdasarkan Jadual 7, tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru berkelulusan Sarjana Muda dan guru berkelulusan Sarjana berada pada tahap tinggi walaupun min perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru berkelulusan Sarjana (*M*=4.29, *SD*=0.40) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru berkelulusan Sarjana Muda (*M*=4.19, *SD*=0.43) dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, tiada responden guru berkelulusan Sijil Perguruan, Diploma dan Kedoktoran dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar bagi guru berkelulusan Sarjana Muda dan guru berkelulusan Sarjana berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 7: Tahap Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Kelulusan Pendidikan

Kelulusan Pendidikan	**Perspektif Guru Terhadap Kepentingan Penerapan Elemen Kelestarian Alam Sekitar**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Sijil Perguruan	-	-	-
Diploma	-	-	-
Sarjana Muda (*N*=186)	4.19	0.43	Tinggi
Sarjana (*N*=14)	4.29	0.40	Tinggi
Kedoktoran	-	-	-

3.3. Apakah isu-isu kelestarian alam sekitar yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah?

Berdasarkan Jadual 8, isu kelestarian alam sekitar yang kerap diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kajian ini ialah isu pencemaran udara (37.5 Peratus) dan isu pencemaran air (32.5 peratus) yang dilaporkan melebihi 30 peratus berbanding dengan isu-isu kelestarian alam sekitar yang lain. Selain itu, isu-isu kelestarian alam sekitar yang pernah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah ialah isu penebangan hutan (26 peratus), isu pemanasan global (24.5 peratus) dan isu pelupusan sisa (22 peratus) yang dilaporkan berada melebihi 20 peratus. Manakala, isu-isu kelestarian seperti isu perubahan iklim (16 peratus), isu penipisan ozon (14.5 peratus) dan isu kepupusan ikan (12 peratus) yang dilaporkan berada antara 10 hingga 20 peratus penerapannya. Sungguhpun begitu, isu-isu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kelestarian alam sekitar yang kurang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah ialah isu guna tanah (9 peratus) dan isu pengasidan laut (5 peratus) yang dilaporkan berada kurang antara 10 peratus dalam kajian ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa isu-isu kelestarian alam sekitar yang paling kerap diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah ialah isu pencemaran udara dan isu pencemaran air iaitu melebihi 30 peratus dalam kajian ini.

Jadual 8: Frekuensi dan Peratus Penerapan Isu-isu Kelestarian Alam Sekitar dalam Mata Pelajaran Sejarah

Bil	Isu-isu	Bilangan	Peratus
1	Perubahan iklim	32	16.0 %
2	Pelupusan sisa	44	22.0 %
3	Pencemaran air	65	32.5 %
4	Penebangan hutan	52	26.0 %
5	Kepupusan ikan	24	12.0 %
6	Pengasidan laut	10	5.0 %
7	Pencemaran udara	75	37.5 %
8	Tenaga	22	11.0 %
9	Penipisan ozon	29	14.5 %
10	Biodioversiti	14	7.0 %
11	Pemanasan global	49	24.5 %
12	Guna tanah	19	9.0 %

4. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Di samping itu, dapatan kajian ini juga telah melaporkan bahawa tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan profil demografi guru iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar, pengkhususan dan tahap pendidikan berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Tahap perspektif guru yang tinggi terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam kajian ini juga adalah sealiran dengan dapatan kajian Sunthankanokpang dan Murphy (2019) yang telah melaporkan peratusan kesedaran yang tinggi terhadap elemen kelestarian iaitu sebanyak 69 peratus dalam kalangan guru pelatih dan dapatan kajian Hanifah Mahat et al, (2015) yang telah melaporkan bahawa tahap amalan penggunaan lestari dalam kalangan guru di daerah Puchong berada pada tahap tinggi. Tambahan pula, amalan keprihatinan terhadap alam sekitar yang berada pada tahap tinggi bagi pekerja syarikat swasta dan pengguna Sabah yang sedar terhadap isu alam sekitar di pelbagai peringkat serta tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan Pembangunan Lestari SDGs yang baik secara tidak langsung dapat menyokong dapatan kajian ini (Muhammad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong, 2006; Mohd Hamdan & Diana Demiyah, 2020; Wensing & Torre, 2009; Nena, 2022). Justeru, dapat dirumuskan bahawa guru-guru sejarah mempunyai perspektif yang tinggi dan baik terhadap kepentingan memupuk perasaan mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid, di samping membentuk etika menghargai alam sekitar dalam kalangan murid.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa isu pencemaran air dan pencemaran udara adalah antara isu kelestarian alam sekitar paling kerap diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah iaitu melebihi 30

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

peratus berbanding dengan isu-isu yang lain dalam kelestarian alam sekitar seperti isu perubahan iklim, pelupusan sisa, penebangan hutan, kepupusan ikan, pengasidan laut, tenaga, penipisan ozon, biodervisiti, pemanasan global dan guna tanah. Hal ini demikian kerana kurikulum KSSM sejarah melibatkan tema-tema sejarah seperti tema Sejarah Kita dan Dunia, tema Warisan Negara, tema Kedatangan Kuasa Asing, tema Pembinaan Negara dan tema Malaysia dan Masa hadapan yang dipelajari dan dikaji secara kronologi dari Zaman Air Batu hingga pembentukan negara dan bangsa Malaysia (PPK, 2018). Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini didapati sealiran dengan dapatan kajian Hanifah Mahat et al (2015) yang telah melaporkan bahawa amalan penggunaan lestari dalaman bagi kebanyakan guru adalah berkaitan dengan isu penjimatan sumber dan pengurangan sampah. Sungguhpun begitu, dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Zaki Said dan Mohammad Zohir (2021) telah melaporkan bahawa kepelbagaian strategi pembelajaran yang aktif and berpusatkan murid yang membawa kepada pendekatan dunia sebenar dan pembelajaran penyelesaian masalah secara kritikal adalah disarankan bagi membentuk amalan kelestarian dalam kalangan murid. Dapatan kajian Mohd Zaki dan Mohammad Zohir (2021) tersebut telah mencadangkan kepada para guru sejarah juga dalam meneroka dan menerapkan kepelbagaian isu–isu kelestarian alam sekitar dengan lebih meluas lagi mengikut topik-topik atau tema-tema sejarah dalam kurikulum sejarah, di samping melaksanakan kepelbagaian strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah menarik dan interaktif dengan memfokuskan kepada pembentukan amalan kelestarian alam sekitar yang lebih responsif dalam kalangan murid sejarah pada semua peringkat persekolahan.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap perspektif guru terhadap kepentingan penerapan elemen kelestarian alam sekitar berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru telah mempunyai perspektif yang tinggi terhadap keperluan menerapkan elemen kelestarian alam sekitar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan mepelbagaikan isu-isu kelestarian alam sekitar.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dalam sorotan literatur ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abd Aziz Rekan & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2016). Dimensi Penilaian dalam Pendidikan Alam Sekitar Merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research, 1*, 21-30.

Farah Izyan Raman & Kamariah Abu Bakar (2019). Amalan Kelestarian Alam Sekitar Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space, 15*(2), 15 – 30.

Hanifah Mahat, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Shahrudin Idrus. (2013). Satu Kajian Pentingnya Pengetahuan Guru dalam Pelaksanaan Program Sekolah Lestari di Malaysia. *Jurnal Perspektif, 5*(2), 75 – 92.

Hanifah Mahat, Shahruddin Ahmad, Noraziah Alip & Mohamad Suhaily Yusry Che Ngah. (2015). Tahap amalan penggunaan lestari dalam kalangan guru di Puchong, Selangor. *Sains Humanika, 5*(1), 19-26.

Immaduddin Abdul Halim. (2020). Isu-isu alam sekitar di Malaysia menurut pandangan pakar: Satu analisis perbandingan berdasarkan Tafsir al-Misbah. *Borneo Akademia UITM Cawanangan Sabah, 4*(2), 42-32.

Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di kalangan guru di sekolah*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Masitah Mohd. Yusof, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid & Mohamed Khaidir Alias (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Malaysia Dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar. *Malaysian Journal of Environmental Management, 12*(2), 91-111

Mohd Hamdan Adnan & Diana Demiyah. (2020). Persepektif Pengguna Sabah Terhadap Alam Sekitar. *Jurnal Kinabalu, 23*, 87-114.

Mohd Zaki Said & Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari, (2021). Matlamat Pembangunan Lestari (Sdgs): Tahap Amalan Pengajaran Guru-Guru Geografi. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space, 17*(4), 62 – 73.

Muhammad Fazli Sabri & Teoh Yong Yong. (2006). Tahap Keperihatinan Alam Sekitar Dan Amalan Kepenggunaan Hijau Pengguna Di Petaling Jaya, Selangor. *Pertanika: Jurnal Social Science & Humanities, 14*(2), 95 – 109.

Nadiatul Husna Hashim & Chin Chee Keong, (2020). Projek Sekolah Hijau: Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) dalam kalangan warga sekolah. *Proceedings of International Conference on the Future of Education IConFed 2020*, Institute of Teacher Education Tunku Bainun Campus, Penang Malaysia, 17 – 18 November 2020.

Nena, V. (2022). Student's Teacher readiness to implement Education for Sustainable Development. *Education Sciences, 12*(505), 1-12.

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory* (3rd Ed). New York: Mcgraw Hill.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Omar, M., Dagol, L., Payus, C. M. & Leong, W. V. (2019). Hubungan Antara Suri Teladan Dan Celik Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima Di Tawau, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH*), 4(6), 22 - 31.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat Dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Siti Khadijah Zamhari & Christopher Perumal (2016). Cabaran dan Strategi ke arah Pembentukan Komuniti Lestari. *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space, 12*(120), 10-24.

Sunthankanokpang, W & Murphy, E (2019). Sustainability awareness, attitudes and active: A survey of pre-service teachers. *Issues in Education Research, 29*(2), 562 – 582.

Wensing, E. J & Torre, C.A (2009). The Ecology of Education: Knowledge System for Sustainable Development and Sustainability. Journal of Teacher Educator for *Sustainability, 11*(1), 3 -17.

UNESCO. (2022). UNESCO moving foward the 2030 Agenda for Sustainable Development. *UNESCO*. Retrieved from: https://en.unesco.org/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).